

▼20/05/16-26MST

R GB 20-05 00225 BA571

bah

Mahathir - Raya

KEMAKMURAN MALAYSIA HASIL TOLERANSI DAN KERJASAMA SEMUA KAUM, KATA PM

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam negara ini supaya sentiasa insaf dan sedar bahawa kemakmuran ekonomi, kesenangan hidup dan kemajuan yang dinikmati sekarang adalah hasil toleransi, kerjasama dan perpaduan semua kaum di negara ini.

"Keadaan yang penuh aman damai ini turut memudahkan kita meningkatkan lagi syiar Islam di negara ini hingga dihormati dan disanjung tinggi oleh semua pihak," kata Perdana Menteri pada perutusan Hari Raya Aidiladha kepada semua Muslim dan Muslimat yang dikeluarkan hari ini.

Isterinya Datuk Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali juga turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua umat Islam.

Dr Mahathir juga mengingatkan bahawa dalam kegembiraan umat Islam menyambut Hari Raya ini, mereka tidak harus lupa kepada mereka yang tidak dapat berhari raya bersama keluarga dan sanak-saudara seperti keluarga anggota tentera Malaysia yang sedang berkhidmat di Bosnia-Herzegovina, di Somalia dan di negara-negara lain kerana menjaga keamanan dunia.

Katanya, Hari Raya Aidiladha yang juga dikenali sebagai Hari Raya Korban, hendaklah dimanfaatkan oleh semua dengan sanggup mengorbankan kepentingan diri untuk keteguhan umat Islam seluruhnya.

"Pertelingkahan sesama umat Islam mengenai hal-hal yang remeh-temeh tidak akan membawa kita ke mana-mana, malahan boleh memudaratkan kita semua," katanya. -- Lagi.

▼20/05/18-05MST

R GB 20-05 00095 BA572

bah

Mahathir - Raya 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata umat Islam memang digalakkan supaya sentiasa membuat pengorbanan demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

Katanya, jika nilai-nilai korban itu dijadikan sebahagian daripada panduan dalam kehidupan harian umat Islam, insya-Allah umat Islam dan agama Islam akan lebih berjaya dan dihormati oleh dunia.

Beliau juga menyarankan kepada semua umat Islam negara ini berdoa agar para jemaah haji Malaysia yang berada di tanah suci sentiasa dilindungi Allah dan selamat menunaikan fardu haji. -- Bernama.

SJA NMO

▼20/05/18-05MST